





**ANALISIS KEPEKAAN MASYARAKAT ISLAM  
TERHADAP SISTEM INSURANS DI MALAYSIA.  
KAJIAN KES : NEGERI PANTAI TIMUR**

**NOR SAMIYYAH BINTI MOHD RIFIN  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)  
2009**

## PENAKUAN

Saya akui bahawa Kertas Projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 26 APRIL 2009

Tandatangan :   
Nama Pelajar : Nor Samiyyah Binti Mohd Rifin  
Nombor Matrik : UK 14150

## DECLARATION

I hereby declare this Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date: 26 APRIL 2009

Signature :   
Students Name : Nor Samiyyah Binti Mohd Rifin  
Matric Number : UK 14150

## PENGHARGAAN

### *Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang*

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya, saya dapat menyiapkan Kertas Ilmiah ini pada waktu yang ditetapkan. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan Kertas Ilmiah ini. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Puan Noorhaslinda Binti Kulub Ab Rashid selaku penyelia Kertas Ilmiah ini yang telah banyak meluangkan masa serta memberikan nasihat, tunjuk ajar serta pandangan agar Kertas Ilmiah ini dapat disiapkan dengan lengkap dan menepati waktu yang ditetapkan.

Terima kasih tidak terhingga kepada penduduk negeri pantai timur iaitu negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang yang sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama dalam melengkapkan borang soal selidik yang diedarkan. Jutaan terima kasih juga kepada insan yang banyak memberi sokongan kepada saya iaitu ibu dan bapa saya, keluarga, para pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan di Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi kerana membantu mengedarkan borang soal selidik serta memberi pandangan untuk menyiapkan Kertas Ilmiah ini.

## ABSTRACT

Insurance is a form of risk management, a payment paid for protection from incidents. The industrial insurance is expected to grow particularly due to demographical change of the population structure with the increase in old age people, wealth and awareness of its importance. Marquis M. Susan et. al (2007) using logit regression model to investigate the impact of insurance disclosed that health insurance is more effective while insurance prices have little effect only. Castellucci F (2004) have studied factors contributing to choice in buying health insurance. Using multiple regression analysis he found that income, cost of insurance and nature of risk and job availability are important factors that influence their decisions to buy insurance. Based on the previous studies the objective of this research is to investigate the sensitivity of the Muslim society to the conventional insurance and the Islamic insurance. This research utilizes primary data collected from 130 respondents with the help of questionnaires conducted in the state of Pahang, Terengganu and Kelantan. The results disclose that the Islamic insurance is still less popular among the Muslim society. Their knowledge of the society regarding Islamic insurance is relatively superficial even though they realize that the Islamic insurance is able to benefit them more compared to the conventional system of insurance.

## ABSTRACT

Insurance is a form of risk management, a payment paid for protection from incidents. The industrial insurance is expected to grow particularly due to demographical change of the population structure with the increase in old age people, wealth and awareness of its importance. Marquis M. Susan et. al (2007) using logit regression model to investigate the impact of insurance disclosed that health insurance is more effective while insurance prices have little effect only. Castellucci F (2004) have studied factors contributing to choice in buying health insurance. Using multiple regression analysis he found that income, cost of insurance and nature of risk and job availability are important factors that influence their decisions to buy insurance. Based on the previous studies the objective of this research is to investigate the sensitivity of the Muslim society to the conventional insurance and the Islamic insurance. This research utilizes primary data collected from 130 respondents with the help of questionnaires conducted in the state of Pahang, Terengganu and Kelantan. The results disclose that the Islamic insurance is still less popular among the Muslim society. Their knowledge of the society regarding Islamic insurance is relatively superficial even though they realize that the Islamic insurance is able to benefit them more compared to the conventional system of insurance.

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Perbandingan antara Insurans dan Takaful
Jadual 1.2	Struktur Institusi
Jadual 1.3	Penunjuk Utama
Jadual 1.4	Perbezaan Insurans Takaful Dan Insurans Konvensional



## SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 Peta Negeri Pahang
- Rajah 1.2 Peta Negeri Terengganu
- Rajah 1.3 Peta Negeri Kelantan
- Rajah 3.1 Rangka Kerja Penyelidikan
- Rajah 3.2 Rangka Kerja Teoritikal (Data Primer)
- Rajah 1 Jantina responden
- Rajah 2 Umur responden
- Rajah 3 Negeri asal responden
- Rajah 4 Daerah responden bagi negeri Kelantan
- Rajah 4.1 Daerah responden bagi negeri Pahang
- Rajah 4.2 Daerah responden bagi negeri Terengganu
- Rajah 5 Status responden
- Rajah 6 Tahap pendidikan responden
- Rajah 7 Pekerjaan responden
- Rajah 8 Pendapatan responden
- Rajah 9 Tanggungan responden
- Rajah 10 Pendapat mengenai insurans
- Rajah 11 Sistem insurans
- Rajah 12 Sebab pemilihan Insurans
- Rajah 13 Bentuk insurans
- Rajah 14 Syarikat insurans
- Rajah 15 Harga insurans
- Rajah 16 Tempoh matang insurans
- Rajah 17 Pengetahuan mengenai insurans
- Rajah 18 Faktor pemilihan insurans
- Rajah 19 Sistem insurans samada konvensional atau Islam adalah melibatkan pembayaran untuk perlindungan risiko
- Rajah 20 Insurans konvensional menawarkan pulangan yang lebih tinggi berbanding insurans Islam
- Rajah 21 Insurans konvensional menjadi pilihan utama masyarakat sejak dahulu lagi
- Rajah 22 Publisiti insurans konvensional adalah lebih meluas berbanding sistem insurans Islam
- Rajah 23 Unsur-unsur yang terdapat dalam sistem insurans konvensional adalah tidak selari dengan syariat Islam
- Rajah 24 Insurans Islam adalah lebih kepada semangat bekerjasama dan tabarru.
- Rajah 25 Insurans yang berasaskan Islam adalah bebas dari unsur-unsur riba, gharar dan maisir
- Rajah 26 Insurans Islam mampu memajukan ekonomi Islam di mata dunia
- Rajah 27 Insurans Islam hanya memberi kelebihan kepada masyarakat yang beragama Islam sahaja
- Rajah 28 Kewujudan insurans Islam menjejaskan pengaruh insurans konvensional

Rajah 29 Bayaran premium insurans Islam adalah lebih tinggi berbanding insurans konvensional.

## **SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH**

BNM	Bank Negara Malaysia
RMK	Rancangan Malaysia
SAC	Majlis Penasihat Syariah
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
CHAT	Choosing Healthplants All Together
NHPS	The Canadian National Population Health Survey
CAZEN	Characterization on Socioeconomical National
UUM	Universiti Utara Malaysia
BBC	Bank Bumiputera Commerce

## SENARAI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>ix</b>

### **BAB 1 : PENGENALAN**

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Sistem Insurans Di Malaysia	4
1.2 Permasalahan Kajian	10
1.3 Objektif Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Methodologi Kajian	16
1.6.1 Model Kajian	17
1.7 Kesimpulan	18

### **BAB 2 : SOROTAN KAJIAN**

2.0 Pendahuluan	19
2.1 Sorotan Kajian	19

### **BAB 3 : METODOLOGI**

3.0 Pengenalan	24
3.1 Rangka Kerja	
3.1.1 Rangka Kerja Penyelidikan	26
3.1.2 Rangka Kerja Teoritikal	28
3.2 Sumber Data Maklumat	29
3.2.1 Data Sekunder	29
3.2.2 Data Premer	29
3.3 Penganalisan Data	32
3.3.1 Analisis Logistik	32
3.4 Model Regresi Logistik	33
3.4.1 Hipotesis	34
3.5 Kesimpulan	36

<b>BAB 4 : ANALISIS KAJIAN</b>	
4.0 Pendahuluan	37
4.1 Data Analisis	37
4.2 Analisis Deskriptif	38
4.3 Laporan Analisis Deskriptif	39
4.3.1 Bahagian A	39
4.3.2 Bahagian B	47
4.3.3 Bahagian C	54
4.4 Model Kajian	62
4.5 Ujian Statistik	63
4.6 Hasil Kajian	64
4.7 Kesimpulan	66
<b>BAB 5 : CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1 Pendahuluan	67
5.2 Rumusan Keseluruhan	68
5.3 Cadangan Kajian	70
5.4 Kesimpulan	74
<b>RUJUKAN</b>	<b>75</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>76</b>

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Insurans, dalam perundangan dan ekonomi, adalah bentuk pengurusan risiko terutamanya digunakan bagi jaminan terhadap risiko kemungkinan kerugian kewangan. Insurans ditakrifkan sebagai peralihan samarata risiko kemungkinan kerugian, daripada satu entiti kepada yang lain, sebagai pertukaran untuk bayaran dan tugas bagi penjagaan. Sebenarnya sistem perlindungan yang disebut insurans ini berasal dari kaedah yang digunakan oleh pedagang-pedagang Arab sebelum kedatangan Islam lagi.

Mereka berdagang, membawa barang dagangan menggunakan unta, dan mengembara. Pelbagai kemungkinan bahaya, musibah dan bencana dan lain-lain ancaman kepada pedagang itu sendiri. Justeru itu, mereka saling berpakat antara mereka mengagih-agihkan barang dagangan kepada beberapa khalifah.

Oleh itu, jika ditakdirkan berlaku sesuatu musibah ke atas mana-mana khalifah, maka kerugian, kemusnahan, dan kehilangan harta benda yang dialami hanya sekadar terhadap kepada khalifah yang ditimpa musibah itu sahaja dan tidak kepada khalifah-khalifah yang lain. Apabila agama Islam datang dan seterusnya tertegak negara dan kerajaan Islam, maka sistem insurans telah mula berkembang.

Industri insurans di Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam dekad yang lalu. Industri insurans mula dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 1988. Penyelidikan yang rapi ke atas perilaku pasaran serta penguatkuasaan rangka kerja pengawalan yang diperkukuh pada tahun 1990an bertujuan meningkatkan standart profesionalisme dalam industri dan keyakinan pengguna. Kemajuan yang jelas dapat dilihat dari segi pengurusan operasional dan kedudukan kewangan penanggung-penanggung insurans serta tanggapan orang awam yang lebih positif terhadap industri insurans seperti yang ditunjukkan oleh trend yang telah muncul sepanjang tempoh 1988 hingga 1999.

Dalam tempoh tersebut, penunjuk utama insurans menunjukkan bahawa penembusan pasaran telah meningkat dengan ketara daripada 11.4 peratus kepada 31 peratus jumlah modal berbayar industri dan permodalan purata bagi setiap penanggung insurans masing-masing telah meningkat sebanyak 532.4 peratus dan 476 peratus, nisbah perdagangan industri telah bertambah baik daripada 308.5 peratus kepada 175.7 peratus menunjukkan bahawa penggearan bagi penanggung insurans semakin rendah, jumlah aset kumpulan wang insurans dan purata aset bagi setiap kumpulan wang insurans masing-masing telah meningkat sebanyak 545.9 peratus dan 521 peratus, rizab teknikal penanggung insurans am telah bertambah kukuh daripada 122.6 peratus daripada premium bersih kepada 170.3 peratus dan nisbah bendungan perniagaan insurans am telah meningkat daripada 75.6 peratus kepada 87.8 peratus.

Berdasarkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9), industri insurans berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan dalam tempoh rancangan. Jumlah pendapatan premium meningkat pada kadar 11.1 peratus setahun kepada RM 23.6 billion dalam tempoh 2001 hingga 2005. Sebahagian besar peningkatan ini adalah disebabkan oleh permintaan kukuh untuk produk insurans berkaitan dengan pelaburan dan produk insurans serta kejayaan syarikat insurans tempatan menembusi bank insurans sebagai saluran pengagihan alternatif. Dalam tempoh yang sama, jumlah aset industri insurans telah berkembang pada kadar tahunan purata 13.8 peratus kepada RM 96.7 billion pada

akhir tahun 2005. Peruntukan aset dana insurans kepada sekuriti korporat dan sekuriti hutang meningkat 41.2 peratus pada tahun 2001 kepada 49.9 peratus pada akhir tahun 2005. Peningkatan ini menggalakkan pelbagai asas pelabur institusi untuk pasaran modal. Kedudukan kewangan insurans diperkukuhkan berikutan peningkatan dalam keperluan modal berkanun minimum daripada RM 50 juta kepada RM 100 juta bermula pada tahun 2001. Keperluan modal yang lebih tinggi juga menggalakkan penggabungan dalam industri insurans dengan pelaksanaan 16 penggabungan yang melibatkan 29 penanggung insurans.

Sungguhpun begitu, mengikut standart antarabangsa, industri insurans di Malaysia secara relatifnya masih kecil. Walaubagaimanapun, dengan unjuran pertumbuhan ekonomi, sebahagian besar daripada penduduk akan mencapai tahap pendapatan per kapita yang akan meningkatkan permintaan dengan ketara terhadap produk-produk berbentuk perlindungan daripada risiko dan tabungan. Keupayaan industri insurans domestik untuk meraih sebahagian daripada pertumbuhan ini bergantung kepada keupayaan penanggung-penanggung insurans untuk mempertahankan kedudukan daya saing masing-masing di dalam industri secara khususnya, dan juga sektor kewangan secara amnya, dalam menghadapi cabaran-cabaran baru dan persekitaran kewangan dan ekonomi yang sedang berubah.



## 1.1 SISTEM INSURANS DI MALAYSIA

Di Malaysia, terdapat dua jenis sistem insurans iaitu insurans konvensional dan insurans Islam. Dari segi objektif, tiada perbezaan antara sistem insurans Islam (takaful) dan sistem insurans konvensional kerana secara fizikalnya operasi kedua-duanya melibatkan pembayaran untuk mendapatkan perlindungan. Namun begitu, dari sudut pelaksanaan, ianya mempunyai perbezaan yang amat ketara. Perkembangan industri Takaful di Malaysia pada awal tahun 1980an ialah hasil daripada keperluan umat Islam pada ketika itu untuk mempunyai alternatif kepada insurans konvensional yang memenuhi kehendak Syariah serta melengkapkan operasi bank Islam yang ditubuhkan pada tahun 1983. Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1982 untuk mengkaji daya maju penubuhan syarikat insurans secara Islam. Berikutan syor Pasukan Petugas ini, Akta Takaful telah dikuatkuasakan pada tahun 1984 dan pengendali Takaful yang pertama telah diperbadankan di Malaysia pada bulan November 1984.

Takaful ialah insurans yang berlandaskan syariah. Takaful mengikut definisinya ialah pakatan satu kumpulan untuk saling jamin-menjamin dan tolong-menolong dalam bentuk material antara satu sama lain atau di antara kumpulan dalam saat-saat ditimpa malapetaka. Perjanjian ini juga menetapkan setiap pihak telah memberi persetujuan terlebih dahulu mengenai bentuk sumbangan yang kelak akan dimanfaatkan untuk kepentingan bersama. Skim Takaful berasaskan sistem perundangan Islam (syariah) yang menggabungkan konsep saling bekerjasama, lindung-melindungi dan saling bertanggungjawab dan dilaksanakan secara bersepadu. Insurans Takaful merupakan insurans yang tidak mengandungi unsur riba, unsur maisir (judi), gharar (ketidakpastian) dan ada konsep tabarru' (derma ikhlas), konsep Al Mudharabah (perkongsian untung). Konsep tabarru' beerti membuat kebajikan atau derma bersyarat dengan redha. Ia dilakukan secara sedar dengan niat saling bantu membantu. Takaful Nasional berperanan sebagai pengendali tabung tabarru'. Manfaat akan dibayar menggunakan tabung tabarru'. Konsep Al Mudharabah pula bermaksud perkongsian keuntungan mengikut nisbah yang dipersetujui bersama antara peserta dan syarikat.

Jadual 1.1 : Perbandingan antara Insurans dan Takaful.

	<b>Insurans</b>	<b>Takaful</b>
Kontrak	-Kontrak pertukaran (jual beli) antara penanggung insurans dengan pihak diinsuranskan	-Gabungan kontrak tabarru' (derma) dan agensi atau kontrak berkongsi keuntungan.
Tanggungjawab pemegang polisi/peserta.	-Pemegang polisi membayar premium kepada penanggung insurans	-Peserta membuat caruman ke dalam skim. -Peserta saling menjamin sesama sendiri di bawah skim.
Lialibiti penanggung insurans/pengendali takaful.	-Penanggung insurans bertanggungjawab membayar manfaat insurans seperti dijanjikan daripada asetnya (kumpulan wang insurans dan kumpulan wang pemegang saham).	-Pengendali takaful bertindak sebagai pentadbir skim dan membayar manfaat takaful daripada kumpulan wang takaful. -Sekiranya berlaku kekurangan dalam kumpulan wang takaful, pengendali takaful akan menyediakan pinjaman tanpa faedah untuk menampung kekurangan berkenaan.
Pelaburan kumpulan wang	Tidak terdapat sekatan selain sekatan yang dikenakan untuk tujuan kehematan.	Aset kumpulan wang takaful dilaburkan dalam instrumen yang memenuhi kehendak syariah.

Industri Takaful Malaysia telah mengalami pertumbuhan dan transformasi pesat sejak ia mula diperkenalkan 20 tahun lalu. Daripada sebuah industri yang mempunyai hanya satu pengendali takaful dengan produk asas yang terhad, ia berkembang menjadi industri yang berdaya maju yang telah diintegrasikan ke dalam arus perdana sistem kewangan. Ini dicapai melalui usaha bersepadu Bank Negara Malaysia dan pengendali-pengendali Takaful dalam membangunkan industri Takaful yang dinamik, berdaya tahan dan cekap. Secara yang lebih lanjut, dalam konteks perkembangan semasa, perkembangan positif ini, jumlah aset keseluruhan dana Takaful adalah sebanyak RM 7.6 billion (bersamaan dengan AS\$2.2 billion) pada tahun 2007. Jumlah ini mewakili 6.3 peratus daripada jumlah aset keseluruhan dana industri Takaful dan insurans dan jumlah berkenaan merupakan peningkatan sebanyak 11 peratus berbanding dengan nilai aset keseluruhan berkenaan pada penghujung tahun 2006. Dari segi jumlah caruman sumbangan bersih

Takaful, sejumlah RM 1.2 billion telah dicatatkan dalam separuh pertama tahun 2007 dan ia merupakan peningkatan sebanyak 36 peratus jika dibanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2006.

Jadual 1.2 : Struktur Institusi

	1985	1990	1995	2000	2004
Bilangan pengendali takaful	1	1	2	2	4
Bilangan cawangan	-	31	42	124	133
Bilangan ejen	-	-	1,210	4,567	16,316

Jadual 1.3 : Penunjuk Utama

	1986*	1990	1995	2000	2004
Pendapatan caruman	1.6	28.4	94.9	522.7	1,123.1
Keluarga	0.6	8.4	37.0	373.0	794.4
Am	1.0	20.0	57.9	149.7	328.7
Bhg. pasaran industri insurans (%)	.....	0.8	1.0	3.8	5.1
Aset	1.4	38.2	183.3	1,872.9	5,028.7
Keluarga	0.6	15.5	94.2	1,542.4	4,305.1
Am	0.8	22.7	89.1	330.5	723.5
Bhg. pasaran industri insurans (%)	....	0.4	0.7	3.7	5.6
Penembusan pasaran**	....	0.1	0.3	2.5	5.1

Dalam RM juta

\*Tahun akhir kewangan pertama adalah pada 1986

\*\* Bilangan sijil Takaful berkuatkuasa dibahagi dengan jumlah penduduk

.... Terlalu kecil

Pengendalian Takaful yang berasaskan komersial yang dijalankan di Malaysia telah menyumbang dengan ketara terhadap kejayaan industri Takaful. Pendekatan ini menekankan pemberian pulangan yang berpatutan kepada peserta, pengendali takaful dan pemegang saham. Ia berbeza daripada konsep takaful kerjasama yang dilaksanakan di beberapa negara lain dengan skim takaful dijalankan semata-mata untuk tujuan sosial. Di samping itu, peranan kerajaan dan sokongannya yang berterusan dalam memperkembangkan industri Takaful merupakan faktor penting bagi menggalakkan pertumbuhan industri Takaful Malaysia. Kerajaan telah berupaya mewujudkan persekitaran yang kondusif dan menentukan hala tuju yang jelas bagi perkembangan industri ini.

Sistem insurans konvensional pula merupakan satu kontrak perniagaan dan termasuk dari kalangan Kontrak Pertukaran Kewangan ( 'Uqud Mu'awadat Maliah). Syarikat insurans membayar jumlah tertentu kepada pencarum insurans apabila berlaku beberapa jenis kemalangan atau musibah yang telah ditentukan dalam kontrak bersesuaian dengan kadar-kadar tertentu. Bentuk insurans ini adalah seperti insurans terhadap musibah menimpa tubuh, insurans harta dan pecahannya (kereta, motor, rumah dan lain-lain), insurans kemalangan jalanraya, insurans kerja dan lain-lain. Ia juga bergantung kepada jumlah caruman pencarum. Kontrak insurans ini mengandungi ciri-ciri seperti berikut :

- a) Redha di kedua-dua pihak (iaitu syarikat insurans dan pencarum). Ia ibarat satu kontrak perjanjian yang lengkap dan mengandungi aspek ijab dan qabul.
- b) Pihak pemberi insurans, iaitu syarikat insurans
- c) Pencarum, iaitu individu yang membayar jumlah tertentu
- d) Yang menerima manfaat, iaitu seperti anak, suami atau isteri, adik beradik dan ibu bapa.
- e) Kebahayaan atau musibah, iaitu jenis-jenis musibah atau kemalangan yang diandaikan yang ditentukan dalam kontrak seperti kecurian, kebakaran, kecederaan, kematian dan lain-lain.

Namun, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia telah sebulat suara memutuskan bahawa insurans hayat yang dikendalikan oleh syarikat insurans konvensional adalah satu muamalah fasad (yang rosak dan tidak sah) dan bercanggah dengan ajaran Islam. Pada umumnya, masyarakat berpendapat kontrak insurans yang berasaskan akad jualbeli tetapi tidak menepati rukun jualbeli mengikut syarak kerana mengandungi tiga unsur yang menyebabkan kontrak tersebut tidak selari dengan kehendak hukum syarak. Tiga unsur yang dimaksudkan itu ialah :

a) Gharar

Gharar memberi erti tidak jelas, kabur dan terdapat penipuan dalam transaksi muamalah di mana terdapat sesuatu yang ingin disembunyikan oleh sebelah pihak dan ianya boleh menimbulkan rasa ketidakadilan serta penganiayaan kepada pihak lain. Islam mensyaratkan bahawa sesuatu perjanjian yang hendak dimeterai antara mana-mana pihak mestilah jelas tentang perkara yang menjadi isi kepada perjanjian tersebut. Tetapi di dalam perjanjian, ada sesetengah pihak tidak menjelaskan bagaimana dan beberapa jumlah tuntutan itu dibayar, sekian banyak tuntutan yang dijanjikan. Maka ini dinamakan gharar, begitu juga dengan mana-mana perjanjian yang terlalu berat sebelah sehingga boleh membawa kepada kerugian kepada satu pihak yang berjanji, maka perjanjian itu juga dikira mengandungi unsur gharar yang diharamkan itu.

b) Maisir

Maisir diambil daripada perkataan Arab yang bermaksud perjudian. Kontrak insurans konvensional dikaitkan dengan undur perjudian di mana apabila pihak yang memeterai perjanjian tidak membuat apa-apa tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan maka pihak tersebut akan mengalami kerugian dan tidak mendapat apa-apa manfaat walaupun sebelum itu pihak tersebut membayar caruman kepada syarikat. Maka, caruman tersebut dikira hangus begitu sahaja, kecuali jika pihak yang mencarum tersebut membuat tuntutan disebabkan sesuatu musibah dalam tempoh tertentu dan pihak insurans pula yang akan mengalami kerugian. Konsep membayar tuntutan hanya apabila berlaku musibah dan tanpa tuntutan ianya dikira hangus, maka konsep tersebut sama dengan konsep perjudian kerana terdapat unsur pertaruhan.

c) Riba iaitu mengenakan bayaran tambahan yang tinggi bagi setiap hutang yang diberi mengikut tempoh yang dipersetujui oleh pihak terlibat dengan urusan tersebut atau dengan perkataan lainnya bermaksud faedah. Terdapat unsur riba dalam urusan pinjaman dari polisi yang ditawarkan kepada peserta dalam

produk insurans hayat konvensional. Dalam sistem kemudahan pinjaman ini, syarikat insurans konvensional akan mengenakan bayaran faedah (interest) kepada peserta yang membuat pinjaman.

Jadual 1.4 : Perbezaan di antara Insurans Takaful dan Insurans Konvensional.

<b>Insurans Takaful</b>	<b>Insurans Konvensional</b>
Berasaskan semangat kerjasama dan tabarru	Semata-mata berdasarkan faktor-faktor komersial
Bebas daripada riba, gharar dan maisir	Banyak terlibat dengan riba, gharar dan maisir.
Majlis Penasihat Syariah (SAC)	Tiada Majlis Penasihat Syariah (SAC)
Keuntungan akan dikongsi di antara pengendali (syarikat) dan peserta berasaskan mudharabah atau yuran pencapaian pelaburan	Mempraktikkan faedah



## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Para ulama' yang berpendapat bahawa insurans adalah dibenarkan (halal) menyatakan insurans adalah kontrak moden dan tiada nas mengenainya. Sekiranya tiada nas, ianya adalah sesuatu yang diharuskan (mubah). Perbahasan mereka adalah berdasarkan kepada kaedah Fiqah bahawa kedudukan perundangan yang asal mengenai sesuatu perkara adalah dibenarkan sehingga terdapat bukti yang menegahkannya. Kaedah Fiqah ini adalah berasaskan Al-Quran. Para ulama' ini juga mendakwa bahawa insurans adalah kontrak yang membawa kepada masalah' (kepentingan awam) kepada peserta (insured). Tanpa insurans misalnya, keluarga terdekat seseorang akan menanggung beban penderitaan yang teramat sangat selepas kematiannya. Para ulama' turut menambah bahawa adat dan kebiasaan (uruf) menjadi asas kepada amalan insurans.

Melalui pembacaan artikel dan sumber-sumber yang lain mengenai sistem insurans di Malaysia, membuktikan bahawa insurans mempunyai kepentingan dalam kehidupan masyarakat Islam. Ia merupakan jaminan terhadap risiko yang akan berlaku pada masa hadapan. Masyarakat Islam di Malaysia diberi alternatif yang jelas untuk memilih sama ada mengurus niaga secara Islam atau bukan Islam. Ianya berlainan sekiranya tiada pilihan yang dikira darurat. Namun masih terdapat sesetengah masyarakat Islam yang masih kabur dalam membuat pemilihan sama ada menggunakan sistem Insurans Takaful atau pun sistem Insurans Konvensional. Puncanya ialah sesetengah masyarakat Islam tidak mengetahui perbezaan di antara kedua-dua sistem insurans tersebut. Hal ini adalah disebabkan kurangnya maklumat mengenainya.

Dewasa ini, rata-rata Insurans Konvensional menamakan pelbagai produknya dengan nama dana-dana Islam yang mempunyai tujuan yang satu iaitu untuk mengaburi mata pelanggan-pelanggan Muslim mereka kononnya produk mereka juga halal. Ketidakprihatinan masyarakat Islam dalam mengetahui unsur-unsur gharar (tidak ketentuan), maisir (judi) dan riba yang terdapat dalam sistem Insurans Konvensional juga menjadi pemasalahan dalam kajian ini.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Memang diketahui umum bahawa industri insurans juga boleh memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara Islam. Hubungan positif ini wujud apabila masyarakat Islam sesebuah negara bijak memilih sistem insurans yang selari dengan syariat Islam. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengupas beberapa persoalan dan menganalisis kepekaan masyarakat Islam di negeri pantai timur terhadap sistem insurans di Malaysia. Dalam kajian ini, terdapat dua objektif yang dibentuk. Objektif tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu secara umum dan secara khusus.

#### **OBJEKTIF UMUM**

Untuk mengkaji kepekaan masyarakat islam di negeri pantai timur terhadap sistem insurans di Malaysia.

#### **OBJEKTIF KHUSUS**

- a) Mengenalpasti pemilihan sistem insurans sama ada Insurans Takaful atau Insurans Konvensional oleh masyarakat Islam di negeri pantai timur.
- b) Mengkaji kebaikan dan kelemahan sistem insurans di Malaysia.
- c) Mengenalpasti unsur-unsur yang terdapat dalam sistem insurans di Malaysia.



## 1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah tertumpu kepada negeri pantai timur iaitu negeri Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Pahang Darul Makmur merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan 35,964 km<sup>2</sup> dan mempunyai 11 daerah iaitu Bentong, Bera, Cameron Highlands, Jerantut, Kuantan, Lipis, Maran, Pekan, Raub, Rompin, dan Temerloh. Terengganu Darul Iman pula di bahagian utara dan barat lautnya bersempadan dengan Kelantan manakala di bahagian selatan dan barat daya pula bersempadan dengan Pahang. Keluasan negeri Terengganu ialah 12,955 km<sup>2</sup> dan mempunyai 7 daerah iaitu Besut, Dungun, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang, Setiu dan Hulu Terengganu. Manakala Kelantan Darul Naim mempunyai keluasan lebih kurang 14,922 km<sup>2</sup>, terletak di timur laut Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan, dan bersempadan dengan Thailand. Negeri Kelantan terdiri dari 10 jajahan iaitu Bachok, Gua Musang, Kota Bharu, Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Tumpat dan Jeli.

Rajah 1.1 : Peta Negeri Pahang



Rajah 1.2 : Peta Negeri Terengganu



Rajah 1.3 : Peta Negeri Kelantan



## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam memilih sistem insurans bagi kepentingan terhadap risiko yang mungkin akan berlaku. Lebih-lebih lagi di saat masyarakat Islam mula sedar mengenai kepentingan mempunyai skim perlindungan terutamanya yang menawarkan produk seratus-peratus berlandaskan Syariah.

Terdapat beberapa kepentingan dalam kajian ini iaitu untuk mencapai objektif umum serta objektif khusus tersebut. Kajian ini ingin mengkaji atau menganalisis mengenai sejauh mana kepekaan masyarakat Islam di negeri pantai timur terhadap sistem insurans di Malaysia. Kajian ini dijalankan berikutan masalah-masalah yang sering dihadapi oleh masyarakat Islam selaku pembeli insurans. Penyertaan umat Islam khususnya dalam pelbagai bentuk kemudahan perlindungan yang disediakan oleh sesetengah syarikat insurans ini telah menimbulkan keraguan kepada mereka dari segi hukum syarak. Ini disebabkan mereka merasakan bahawa perjalanan insurans ini tidak selari mengikut hukum syarak.

Kejayaan sistem Insurans Konvensional pada tahun-tahun sebelum ini tidak membawa apa-apa erti kepada umat Islam kerana sifatnya tidak menepati kehendak Islam. Umat Islam wajib mengamalkan ajaran dan peraturan yang ditetapkan oleh Islam sepenuhnya dalam semua aspek kehidupan termasuk sistem kewangan dan sistem perlindungan insurans yang berlandaskan kepada syariat atau hukum syarak. Hal ini amat penting dipraktikkan demi membina ekonomi Islam yang lengkap untuk kemudahan umat. Unsur-unsur dalam sesuatu sistem insurans itu juga perlu dititikberatkan supaya masyarakat Islam tidak salah memilih insurans yang bersesuaian. Kajian ini dijalankan supaya masyarakat Islam dapat memastikan unsur-unsur yang terdapat dalam sesuatu insurans itu adalah selari dengan hukum syariat.

Selain itu, kajian ini dijalankan berdasarkan keperihatinan para ulama yang mengkaji dan bersepakat menyatakan bahawa Insurans Konvensional adalah haram dan tidak menepati kehendak syariat. Majlis Akademi Feqah Al-Islam yang dihadiri oleh pakar perundangan syariat dalam pelbagai disiplin ilmu dari seluruh dunia dalam satu persidangan pada bulan Disember 1985 telah memperakukan bahawa perjanjian insurans yang mengandungi tiga unsur iaitu gharar, judi dan riba adalah tidak selari dengan landasan syariat. Unsur-unsur tersebut didapati terdapat dalam Insurans Konvensional. Idea untuk mewujudkan sistem Takaful telah lahir daripada masyarakat Islam yang ingin menghayati kehidupan berdasarkan perundangan Islam. Berbeza dengan Insurans Konvensional, Takaful mempunyai unsur-unsur yang dibenarkan oleh Islam. Insurans Takaful mempunyai banyak kebaikan berbanding Insurans Konvensional. Oleh itu, kajian ini penting untuk membezakan kebaikan dan kelemahan sistem insurans di Malaysia bagi masyarakat Islam.

## 1.6 METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data untuk kajian ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk penyelidikan, di mana data primer yang diperolehi melalui soal selidik yang dijalankan negeri pantai timur iaitu Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Bilangan responden yang disasarkan adalah seramai 150 orang yang beragama Islam terdiri daripada pembeli-pembeli insurans di pantai timur. Seramai 50 orang penduduk daripada setiap negeri akan dijadikan sampel kajian. Selain itu, data sekunder juga digunakan sebagai rujukan contohnya melalui jurnal-jurnal, artikel, buku ilmiah, media cetak, laporan-laporan kerajaan dan lain-lain media elektronik. Pengukur kepada sistem insurans oleh pembeli insurans masyarakat Islam yang diambil kira dalam kajian ini adalah seperti tahap pendidikan, jantina, pekerjaan, pendapatan, harga insurans, bilangan tanggungan dan bagi mencapai objektif kajian, model penganggaran regresi logistik iaitu salah satu kaedah ekonometrik menggunakan perisian '*Statistical Package For The School Science*' (SPSS) akan digunakan agar dapat mengukuhkan hasil keputusan kajian akhir dengan menentukan samada pembolehubah bebas boleh membuat ramalan dan menentukan hubungan ke atas pembolehubah bersandar yang dipilih seterusnya melihat kepekaan masyarakat Islam di Malaysia mengenai sistem insurans.

### 1.6.1 MODEL KAJIAN

#### PERSAMAAN 1

$$SY_t = \beta_0 + \beta_1 OCP_t + \beta_2 EDU_t + \beta_3 Y_t + \beta_4 GEN_t + \beta_5 LD_t + \beta_6 PRI_t + \varepsilon$$

#### PERSAMAAN 2

$$\text{Logit (P=1)} = \beta_0 + \beta_1 OCP_t + \beta_2 EDU_t + \beta_3 Y_t + \beta_4 GEN_t + \beta_5 LD_t + \beta_6 PRI_t + \varepsilon$$

Dimana,

Logit (P=1) = SY = sistem asuransi

0 untuk asuransi konvensional

1 untuk asuransi islam

OCP = pekerjaan

EDU = tahap pendidikan

0 untuk tahap pendidikan tinggi

1 untuk tahap pendidikan rendah

Y = pendapatan

GEN = jantina

0 untuk lelaki

1 untuk perempuan

LD = bilangan tanggungan

PRI = harga asuransi



## 1.7 KESIMPULAN

Seperti yang diketahui insurans amat penting dalam kehidupan kita. Insurans merupakan satu bentuk pengurusan risiko yang baik. Namun, ramai masyarakat Islam di Malaysia tidak dapat mengenalpasti sistem insurans yang selari dengan syariah Islam dan membeli insurans yang berkonsepkan konvensional yang mengandungi unsur maisir, riba, dan gharar. Kajian ini dijalankan dan dapat memberi banyak kebaikan dan faedah kepada masyarakat Islam di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan yang membeli insurans. Ia memberi garis panduan kepada masyarakat Islam dalam memilih sistem insurans yang selari dengan syariat Islam. Selain itu, jangkaan dapatan kajian yang akan diperolehi ialah dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Islam mengenai kepentingan insurans yang berasaskan Islam. Dengan membeli insurans Islam, masyarakat Islam di Malaysia dapat memajukan ekonomi Islam di mata dunia.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik. Sorotan kajian diperlukan dalam membuat sesuatu kajian kerana pengkaji dapat mengetahui hasil-hasil yang telah diperolehi oleh pengkaji-pengkaji yang lepas mengenai insurans.

#### 2.1 SOROTAN KAJIAN

**Bernard Van Berg, Paula Van Dommelen, Piet Stam, Trea Laske-Aldershof, Tom Buchmueller, dan Fedrick T.Schut (2008)** mengkaji dan menyediakan bukti-bukti awal pemilihan rakyat Belanda dalam pelbagai aspek produk insurans hayat. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian  $X^2$  untuk menguji perbezaan pertimbangan peralihan dan sebab peralihan risiko tinggi atau rendah, regresi logistik untuk menguji perbezaan berkaitan status kesihatan, dan conjoint analysis untuk mengimbangkan perbezaan sifat pembeli insurans berdasarkan andaian. Pengkaji menggunakan data primer iaitu menjalankan soal selidik kepada pembeli insurans. Hasil kajian yang diperolehi adalah penyakit kronik mempengaruhi pemilihan insurans. Selain itu, pengkaji juga telah membuktikan harga turut mempengaruhi dalam keputusan pembeli insurans.



**Marcus C. Christiansen (2007)** menjalankan kajian untuk memperkenalkan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelian kontrak insurans hayat individu. Methodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah model markov chain yang mengandungi analisis diskriptif dan analisis berterusan dalam insurans matematik sebagai perantaraan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data sekunder iaitu dengan mengumpul data pembayaran antara syarikat insurans dengan pemegang polisi insurans (pembeli insurans). Hasil kajian mendapati kadar bunga insurans, kemungkinan kematian dan kehilangupayaan boleh mempengaruhi pembelian kontrak insurans hayat individu.

**M. Susan Marquis, Melinda Beeuwkes Buntin, Jose J. Escarce, dan Kanika Kapur (2007)** membincangkan peranan, produk baru dan harga yang menentukan pembelian insurans kesihatan. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data sekunder iaitu dengan mengumpul data dari tiga syarikat insurans yang besar di California. Methodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah model logit untuk memeriksa kesan peranan dan harga ke atas pembelian insurans. Hasil kajian mendapati produk yang baru dihasilkan memberi kesan yang efektif kepada pembelian insurans kesihatan manakala harga memberi kesan efektif yang kecil sahaja.

**David Mark Dror, Ruth Koren, Alexander Ost, Erika Binnendij, Sukumar Vellakal, Marion Danis (2006)** mengkaji faedah insurans kesihatan dengan mengutamakan pelanggan yang berpendapatan rendah, kajian kes di Karnataka dan Maharashta, India. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah data sekunder, iaitu data yang diperolehi dari "Choosing Healthplants All Together (CHAT)". Methodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah analisis statistik dan dianalisis dengan bantuan perisian 'Program Statistical Package for the Sosial Sciences (SPSS). Hasil kajian yang diperolehi adalah masyarakat India yang dari luar bandar, berpendapatan rendah, buta huruf, yang kebanyakan mempunyai pengetahuan yang rendah mengenai insurans kesihatan adalah sanggup mendapatkan faedah dari pakej insurans kesihatan dengan membelinya.

**Hyuk-Sung Kwon dan Bruce L. Jones (2005)** mengkaji mengenai faktor-faktor pembelian insurans. Kaedah pengumpulan data adalah menggunakan data sekunder iaitu dengan mengumpul data melalui " The Canadian National Population Health Survey (NHPS) ". Pengkaji turut menggunakan data primer iaitu dengan menjalankan soal selidik. Methodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah secara deskriptif, markov chain untuk peralihan model faktor risiko kematian dan regrasi logistik untuk peralihan kebarangkalian. Pengkaji memasukkan pembolehubah seperti taraf pendidikan, status merokok, obesiti, aktiviti fizikal dan lain-lain ke dalam model. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan faktor kematian mempengaruhi pembelian insurans. Ini membuktikan faktor-faktor risiko kematian boleh menggambarkan harga di mana pembeli insurans membayar nilai yang berpatutan untuk produk insurans tersebut.

**Frank M. Castellucci (2004)** turut mengkaji faktor pemilihan yang penting dalam pembelian insurans kesihatan. Pengkaji menggunakan data sekunder dan memperolehi data yang diperlukan dari Medical Expenditure Panel Survey Household Component (MEPS). Pembolehubah yang dimasukkan dalam kajian ini adalah pendapatan, tempat tinggal, jantina, bangsa, pekerjaan, taraf perkahwinan, umur, tahap pendidikan dan kesihatan. Methodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah analisis regrasi yang menguji fungsi pendapatan, kos insurans, dan risiko kesabaran. Setelah kajian dijalankan, pengkaji mendapati pekerjaan sangat mempengaruhi seseorang individu dalam pembelian insurans.

**Murat K. Munkin dan Pravin K. Trivedi (2003)** mengkaji aspek yang mempengaruhi pembelian insurans kesihatan. Pengkaji memfokus pembolehubah yang berkaitan dengan permintaan penjagaan kesihatan iaitu tahap pendidikan, taraf perkahwinan, dan pendapatan keluarga. Methodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah model ekonometrik. Setelah kajian dijalankan, hasil yang didapati adalah terdapat korelasi yang positif antara pembelian insurans dan tahap pendidikan, taraf perkahwinan dan pendapatan keluarga yang tinggi. Namun terdapat juga kolerasi yang negatif antara

pembelian insurans dan faktor kesihatan yang bagus atau tidak dan mempunyai penyakit yang kronik.

**Caudio Sapelli dan Ar'istides Torche (2001)** menjalankan kajian di Chili iaitu mengkaji penentu dalam pemilihan insurans kesihatan samada insurans swasta atau insurans awam. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan data sekunder iaitu mengambil data-data dari CASEN (Characterization on Socioeconomical National) untuk mencapai objektif kajian. Pembolehubah yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah insurans kesihatan sebagai pembolehubah bersandar dan pendapatan, harga penentu, umur dan kawasan tempat tinggal sebagai pembolehubah yang tidak bersandar. Methodologi yang digunakan adalah analisis deskriptif dan model logistik. Hasil kajian yang diperolehi dari kajian ini adalah pendapatan yang tinggi dan harga merupakan penentu dalam pemilihan insurans kesihatan samada insurans swasta atau insurans awam.

**Livio Di Matteo dan J.C Herbert Emery (2001)** mengkaji korelasi antara tahap kesihatan individu dan permintaan terhadap insurans hayat berdasarkan bukti dari Ontario (1982). Pengkaji menggunakan data sekunder untuk mengumpul data bagi kajian ini. Pembolehubah yang terlibat adalah seperti kesihatan, umur, pekerjaan, taraf perkahwinan, kawasan tempat tinggal, kaum, agama, tahap pendidikan dan bilangan anak. Methodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif dan analisis korelasi bagi mencapai objektif kajian. Hasil yang diperolehi setelah kajian dijalankan adalah tahap kesihatan adalah positif korelasi dan signifikan dengan permintaan terhadap insurans hayat di Canada.

**Ahmad Nordin bin Mohd Zain (2000)** mendapatkan maklumat mengapa sambutan dari masyarakat Malaysia terutamanya dan masyarakat Islam amnya masih kurang menyertai takaful ataupun memilih takaful bagi keperluan insurans mereka. Pengkaji menggunakan data primer iaitu dengan membuat soal selidik kepada kakitangan Universiti Utara Malaysia. Methodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah bentuk taburan frekuensi, statistik deskriptif dan ujian ANOVA bagi mencapai objektif kajian.

Hasil kajian yang diperolehi adalah insurans yang berasaskan Islam kurang mendapat sambutan dari masyarakat UUM berbanding insurans secara konvensional. Pengetahuan, persepsi dan keyakinan dari masyarakat terhadap insurans Islam adalah di tahap yang rendah walaupun insurans Islam ini telah diketahui lebih memberikan manfaat dan pulangan yang setimpal jika dibandingkan dengan insurans konvensional.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**


#### **3.0 PENGENALAN**

Kaedah kajian atau methodologi kajian adalah satu perkara asas yang sangat penting dalam setiap penyelidikan. Ia merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam satu kajian bagi memastikan ianya dapat mencapai matlamat dan objektifnya. Ia juga merupakan kajian yang sistematik dan menyeluruh hendaklah dibina dalam usaha mencapai objektif dan matlamat kajian.

### 3.1 RANGKA KERJA

#### 3.1.1 Rangka Kerja Penyelidikan


Rajah 3.1 : Rangka Kerja Penyelidikan



Rajah 3.1 menerangkan dan menunjukkan rangka kerja penyelidikan bagi kajian ini. Langkah pertama dalam membuat penyelidikan ini adalah memilih tajuk penyelidikan yang ingin dilakukan. Tajuk penyelidikan yang diambil adalah berdasarkan kepada isu semasa yang berkait dengan sistem insurans di Malaysia. Kemudian, pernyataan masalah kajian dan objektif kajian perlu dinyatakan. Objektif kajian terbahagi kepada dua iaitu objektif khusus dan objektif umum. Langkah seterusnya adalah ulasan karya. Ulasan karya adalah hasil daripada pembacaan-pembacaan jurnal dari penyelidik-penyelidik terdahulu. Selepas itu, teknik pengumpulan data dijalankan. Teknik pengumpulan data dalam penyelidikan ini adalah terbahagi kepada dua iaitu data primer dan data sekunder. Data-data yang diperoleh di analisis dengan menggunakan perisian *Program Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Setelah data-data di analisis, hasil kajian akan diperoleh. Langkah terakhir dalam penyelidikan ini adalah cadangan dan kesimpulan yang berkaitan dengan skop kajian.

### 3.1.2 Rangka Kerja Teoritikal

Rajah 3.2 :Rangka Kerja Teoritikal (Data Primer)





Rajah 3.2 menerangkan mengenai rangka kerja teoritikal bagi data primer. Rangka kerja di peringkat penyelidikan dimulakan dengan kaedah pengumpulan data yang bertujuan membuat ramalan keatas pembolehubah bersandar. Pengumpulan data yang asli iaitu data yang dikumpulkan daripada individu yang menjadi subjek kajian adalah dinamakan data primer. Manakala data sekunder adalah data yang diperolehi dan diambil daripada data yang sedia ada atau dari sumber yang bertulis, sama ada yang pernah diterbitkan atau pun yang belum pernah diterbitkan. Cara atau kaedah pengumpulan data yang paling popular ialah dengan menjalankan tinjauan atau lebih dikenali sebagai "survey research" atau tinjauan sosial.

Tinjauan sosial adalah bertujuan untuk mengambil dan mengumpul beberapa ukuran kuantitatif dan juga ukuran kualitatif tentang beberapa maklumat penting seperti maklumat peribadi responden, pekerjaan responden, faktor pemilihan sistem insurans oleh responden yang beragama Islam samada sistem insurans konvensional atau sistem insurans Islam dan lain-lain. Oleh itu, satu set borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan segala maklumat-maklumat tersebut. Borang soal selidik yang lengkap adalah mengandungi satu rentetan soalan yang telah digubal khas untuk mengumpul data bagi mencapai objektif kajian. Selepas data dan maklumat diperolehi, data ini di analisis dengan menggunakan perisian *Program Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dan digambarkan secara logistik.

## **3.2 SUMBER DATA MAKLUMAT**

Dalam kajian ini, dua sumber maklumat iaitu data primer dan data sekunder diperlukan bagi menganalisa dan seterusnya mendapatkan cadangan dan kesimpulan. Menurut Ahmad Madhzan (1993), data primer merupakan data asli atau maklumat yang dikumpul sendiri daripada individu manakala data sekunder pula adalah data yang diambil daripada sumber tulisan samada yang pernah diterbitkan atau tidak.

### **3.2.1 Data Sekunder**

Data-data yang diperolehi secara rujukan literatur dan pembacaan dari sumber-sumber bahan bacaan. Bahan-bahan bacaan adalah terdiri daripada majalah, laporan kerajaan, risalah, jurnal, akhbar dan lain-lain.

### **3.2.2 Data Primer**

Data primer adalah terdiri daripada data-data yang diperolehi daripada soal selidik dan temubual dengan pihak terlibat secara langsung atau tidak langsung. Borang soal selidik akan diedarkan kepada pihak-pihak terlibat (dalam kajian ini adalah pembeli insurans yang beragama Islam). Temubual juga dilakukan kepada pihak yang terlibat seperti syarikat insurans. Temubual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai sistem insurans.

#### **3.2.2.1 Persampelan**

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah persampelan rawak terhadap sekurang-kurangnya 150 orang pembeli insurans yang beragama Islam yang berasal dari negeri pantai timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan sebagai sampel kajian. Kaedah ini digunakan untuk memastikan bahawa setiap responden mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah ini adalah amat sesuai digunakan untuk kajian ini. Hal ini kerana populasi telah diketahui dan kaedah ini

merupakan kaedah yang paling kurang bias. Selain itu, kaedah ini tidak menelan kos yang tinggi. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah sebagai cara pemilihan sampel. Oleh itu, pemilihan dibuat melalui pemilihan sampel secara rawak mudah daripada keseluruhan populasi.

### **3.2.2.2 Andaian Persampelan**

Persampelan ini dibuat melalui beberapa andaian persampelan iaitu semua keputusan yang akan diperolehi daripada sampel kajian dapat mewakili populasi sebenar kajian, responden telah memberikan jawapan yang jelas, jujur dan tepat serta memahami tujuan dan matlamat soalan yang diajukan, perbezaan maklumat antara para responden tidak akan memberikan kesan ke atas pemilihan sistem insurans untuk memilih insurans konvensional ataupun insurans Islam. Strategi soal selidik adalah secara *face to face* dengan responden dan dijalankan selama sebulan.

### **3.2.2.3 Pembentukan Soal Selidik**

Bagi menentukan instrumen kajian ini, instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah melalui borang soal selidik. Borang soal selidik telah di buat bertujuan untuk mencapai objektif penyelidikan ini iaitu ingin mengetahui kepekaan masyarakat Islam terhadap sistem insurans di Malaysia.

Bahagian A, B dan C adalah rangka soal selidik adalah meliputi jantina, tahap pendidikan, pendapatan, umur, kos yang terlibat dan pengetahuan responden mengenai sistem insurans yang terdapat di Malaysia. Bahagian A merangkumi latar belakang responden yang dijadikan sebagai pembolehubah-pembolehubah bebas. Antaranya jantina, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan, dan bilangan tanggungan. Bahagian B melibatkan soal selidik berkaitan dengan sistem insurans yang dibeli oleh responden iaitu bentuk insurans yang dibeli, syarikat insurans yang terlibat, harga insurans dan faktor pemilihan sistem insurans. Seterusnya, bahagian C soalan soal selidik berbentuk “likert

scale” turut digunakan untuk mengukur pembolehubah yang dikaji. Soalan berunsurkan tahap pengetahuan dan pendapat pembeli insurans yang beragama Islam terhadap sistem insurans dinilai dalam bentuk persetujuan dari nombor 1 hingga 5.

Soalan-soalan dikemukakan dalam borang soal-selidik adalah berbentuk soalan tertutup (close-ended) dan soalan terbuka (open-ended). Soal selidik ini juga menggunakan skala nominal. Kaedah ini digunakan untuk memudahkan para responden menjawab soalan-soalan yang dikemukakan itu supaya maklumat yang diperolehi dapat dianalisis dengan lebih cepat dan mudah.

#### **3.2.2.4 Pilot Test**

Sebelum memulakan soal selidik yang sebenar, pilot test hendaklah dilakukan bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen kajian dengan menggunakan nilai Chronbach alpha. Nilai alpha yang tinggi menunjukkan konsistensi dalaman bagi item dalam instrumen yang digunakan. Dalam kajian ini, pilot test telah dijalankan ke atas enam orang responden yang berasal dari negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu.

### **3.3 PENGANALISISAN DATA**

Data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) untuk mendapatkan keputusan dan bagi menguji sama ada kajian ini boleh diterima atau tidak. Kaedah-kaedah yang digunakan untuk menganalisis data sebahagian besarnya adalah bergantung kepada tujuan kajian tersebut dijalankan. Analisis ini bertujuan untuk membuat ramalan ke atas pembolehubah bersandar. Koefisien yang diperolehi menunjukkan kekuatan dan arah hubungan di antara pembolehubah. Data-data yang diperolehi melalui borang soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis logistik.

#### **3.3.1 Analisis Logistik**

Setelah data dikumpul, data seterusnya akan disemak dengan teliti iaitu dengan menyemak soal selidik serta menyunting data sebelum dianalisis dengan menggunakan kaedah logistik. Tujuan penyelidikan dijalankan adalah untuk membuat ramalan ke atas pembolehubah bersandar yang diukur. Koefisien yang diperolehi menunjukkan kekuatan dan arah hubungan di antara pembolehubah.

### 3.4 MODEL REGRASI LOGISTIK

Model regresi logistik bagi data primer menunjukkan hubungan antara pemilihan sistem asuransi dengan beberapa pemboleh ubah yang berkaitan dengan pembeli asuransi yang beragama Islam di tiga negeri iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan.

#### PERSAMAAN 1

$$SY_t = \beta_0 + \beta_1 OCP_t + \beta_2 EDU_t + \beta_3 Y_t + \beta_4 GEN_t + \beta_5 LD_t + \beta_6 PRI_t + \varepsilon$$

#### PERSAMAAN 2

$$\text{Logit (P=1)} = \beta_0 + \beta_1 OCP_t + \beta_2 EDU_t + \beta_3 Y_t + \beta_4 GEN_t + \beta_5 LD_t + \beta_6 PRI_t + \varepsilon$$

Di mana :

Logit (P=1) = SY = sistem insurans

0 untuk insurans konvensional

1 untuk insurans islam

OCP = pekerjaan

EDU = tahap pendidikan

0 untuk tahap pendidikan tinggi

1 untuk tahap pendidikan rendah

Y = pendapatan

GEN = jantina

0 untuk lelaki

1 untuk perempuan

LD = bilangan tanggungan

PRI = harga insurans

### 3.4.1 Hipotesis

Hipotesis adalah keputusan awal yang dijangkakan walaupun kebenarannya masih belum dibuktikan. Ia digunakan bagi melihat hubungan antara pembolehubah bersandar iaitu pemilihan sistem insurans samada insurans konvensional atau insurans Islam dengan pembolehubah bebas.

- **Jenis Pekerjaan Terhadap Pemilihan Sistem Insurans**

$$H_0 : \beta_1 = 0$$

(Jenis pekerjaan tidak mempengaruhi dalam pemilihan sistem insurans)

$$H_1 : \beta_1 \neq 0$$

(Jenis pekerjaan mempengaruhi dalam pemilihan sistem insurans)

- **Tahap Pendidikan Terhadap Pemilihan Sistem Insurans**

$$H_0 : \beta_2 = 0$$

(Tahap pendidikan tidak mempengaruhi dalam pemilihan sistem insurans)

$$H_1 : \beta_2 \neq 0$$

(Tahap pendidikan mempengaruhi dalam pemilihan sistem insurans)

- **Pendapatan Terhadap Pemilihan Sistem Insurans**

$$H_0 : \beta_3 = 0$$

(Pendapatan tidak mempengaruhi dalam pemilihan sistem insurans)

$$H_1 : \beta_3 \neq 0$$

(Pendapatan mempengaruhi dalam pemilihan sistem insurans)

- **Jantina Terhadap Pemilihan Sistem Insurans**

$$H_0 : \beta_4 = 0$$

(Jantina tidak mempengaruhi dalam pemilihan sistem insurans)

$$H_1 : \beta_4 \neq 0$$

(Jantina mempengaruhi dalam pemilihan sistem insurans)

▪ **Bilangan Tanggungan Terhadap Pemilihan Sistem Asuransi**

$$H_1 : \beta_5 = 0$$

(Bilangan tanggungan tidak mempengaruhi dalam pemilihan sistem asuransi)

$$H_1 : \beta_5 \neq 0$$

(Bilangan tanggungan mempengaruhi dalam pemilihan sistem asuransi)

▪ **Harga Asuransi Terhadap Pemilihan Sistem Asuransi**

$$H_1 : \beta_6 = 0$$

(Harga asuransi tidak mempengaruhi dalam pemilihan sistem asuransi)

$$H_1 : \beta_6 \neq 0$$

(Harga asuransi mempengaruhi dalam pemilihan sistem asuransi)



### **3.5 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, bab ini menggabungkan kesemua kaedah yang digunakan bagi menganalisis data-data yang diperlukan. Secara tidak langsung dapat menjawab segala persoalan kajian. Selain itu juga, kaedah yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah yang paling sesuai bagi mencapai objektif kajian iaitu untuk menganalisis kepekaan masyarakat Islam terhadap sistem insurans di Malaysia.

## **BAB 4**

### **ANALISIS KAJIAN**

#### **4.0 PENDAHULUAN**

Dalam bab Analisis Kajian, terdapat lima peringkat yang terdiri daripada data analisis di mana berkaitan dengan penggunaan data. Peringkat kedua merupakan analisis diskriptif di mana menyentuh berkaitan dengan soalan keseluruhan serta bahagian-bahagian yang terdapat di dalam soal kaji selidik yang diedarkan. Peringkat seterusnya ialah laporan analisis diskriptif yang menunjukkan hasil analisis diskriptif yang diperolehi daripada data yang telah dianalisa. Seterusnya peringkat ke empat iaitu model kajian. Peringkat kelima adalah ujian logit yang telah dianalisa dengan menggunakan model penganggaran regresi logistik dan seterusnya hasil yang diperolehi dari ujian tersebut.

#### **4.1 DATA ANALISIS**

Dalam mendapatkan data untuk kajian yang dilakukan, pengumpulan data primer telah di gunakan untuk melakukan analisis pemilihan sistem insurans oleh masyarakat Islam. Untuk mendapatkan data-data tersebut, kertas soal kaji selidik (questionnaire) iaitu soal selidik berkenaan kepekaan masyarakat Islam terhadap pemilihan sistem insurans di Malaysia telah di edarkan di tiga buah negeri pantai timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan. Seramai 150 orang responden telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel. Namun, hanya 130 orang responden yang merupakan pembeli insurans yang beragama Islam. Data tersebut dimasukkan ke dalam SPSS dan dianalisis dengan menggunakan regreasi logistik.

## 4.2 ANALISIS DISKRIPITIF

Berdasarkan hasil diskriptif yang diperolehi, secara keseluruhannya bahagian A merangkumi latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, umur, agama, asal, status, tahap pendidikan, pekerjaan, jumlah pendapatan responden dan bilangan tanggungan. Terdapat soalan-soalan yang dijadikan pembolehubah bebas di bahagian A seperti jantina, tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan bilangan tanggungan isirumah.


Bagi bahagian B, soalan adalah merangkumi pemilihan sistem sistem insurans iaitu pendapat mengenai insurans, pembeli insurans, sistem insurans yang dipilih, sebab pemilihan sistem insurans tersebut, bentuk insurans, syarikat insurans, harga insurans, tempoh matang insurans, pengetahuan mengenai insurans dan faktor-faktor pemilihan sistem insurans. Di bahagian B, harga insurans yang dibeli menjadi pembolehubah bebas dan sistem insurans yang dipilih merupakan pembolehubah bersandar.

Manakala bagi bahagian C pula merangkumi pengetahuan dan pendapat mengenai sistem insurans di Malaysia. Pengetahuan dan pendapat responden mengenai definisi insurans, pulangan yang diperolehi, unsur-unsur yang terdapat dalam sistem insurans, insurans pilihan utama masyarakat di Malaysia, bayaran premium dan lain-lain pendapat.

### 4.3 LAPORAN ANALISIS DISKRIPITIF


#### 4.3.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden

Rajah 1 : Jantina responden



Berdasarkan gambarajah 1, bilangan responden lelaki adalah seramai 63 orang manakala responden perempuan adalah seramai 67 orang. Jumlah responden lelaki dan perempuan hampir sama kerana soal selidik dijalankan secara rawak.


Rajah 2 : Umur responden



Bagi gambarajah 2, umur responden yang berada dalam lingkungan 20-29 tahun merupakan jumlah responden yang paling tinggi iaitu seramai 47 orang. Seramai 29 orang adalah terdiri daripada responden yang berumur dalam lingkungan 30-39 tahun. Bagi responden yang berumur dalam lingkungan 40-49 tahun adalah seramai 38 orang, manakala seramai 15 orang adalah terdiri daripada responden yang berumur dalam lingkungan 50-59 tahun. Hanya seorang responden yang berumur dalam lingkungan 60 tahun dan ke atas.

Bagi agama pula, 100 peratus responden adalah beragama Islam. Ini adalah kerana analisis yang dijalankan hanya fokus kepada masyarakat Islam yang tinggal di negeri pantai timur. Begitu juga dengan bangsa, keseluruhan responden adalah berbangsa Melayu.


**Rajah 3 : Negeri asal responden**



Berdasarkan gambarajah 3, seramai 46 orang responden adalah penduduk negeri Terengganu. Manakala seramai 35 orang responden adalah berasal dari Kelantan. Bagi negeri Pahang pula adalah seramai 26 orang responden. Hanya tiga orang responden adalah berasal dari Johor dan dua orang responden adalah berasal dari lain-lain negeri iaitu Pulau Pinang dan Selangor. Responden yang berasal dari luar negeri Terengganu,


Kelantan dan Pahang adalah merupakan penduduk yang bermastautin di negeri-negeri tersebut untuk bekerja di situ.

**Rajah 4 : Daerah responden bagi negeri Kelantan**




Bagi gambar rajah 4, di negeri Kelantan mencatat responden paling tinggi adalah di Kota Bharu iaitu seramai 28 orang. Bagi Pasir Mas pula adalah seramai enam orang. Manakala di Bachok hanya empat orang yang menjadi responden. Di Machang dan Tumpat masing-masing mencatat seramai tiga orang sebagai responden. Bilangan responden paling tinggi di Kota Bharu adalah kerana merupakan ibu negeri bagi Kelantan dan soal selidik ditumpukan di situ.

**Rajah 4.1 : Daerah responden bagi negeri Pahang**



Bagi rajah 4.1, daerah Kuantan mencatat bilangan responden tertinggi bagi negeri Pahang iaitu seramai 27 orang responden. Daerah Maran memberi bilangan responden seramai empat orang sahaja. Bagi tiga daerah lain iaitu Bentong, Pekan, dan Temerloh, masing-masing mencatat responden seramai tiga orang dan daerah Jengka seramai dua orang. Soal selidik dijalankan secara rawak di bandar Kuantan dan seterusnya menjadikan daerah Kuantan mencatat bilangan responden tertinggi.


**Rajah 4.2 : Daerah responden bagi negeri Terengganu**






Berdasarkan rajah 4.2, responden yang berasal dari daerah Kuala Terengganu adalah seramai 13 orang dan merupakan catatan responden tertinggi di negeri Terengganu. Responden kedua tertinggi iaitu seramai lapan orang adalah di daerah Dungun dan Kemaman. Di daerah Marang, seramai tujuh responden yang terlibat. Di Hulu Terengganu terutamanya Kuala Berang mencatat responden seramai lima orang dan di daerah Besut seramai tiga orang.

**Rajah 5 : Status Responden**




Berdasarkan rajah 5, status responden yang diperolehi daripada tinjauan yang dijalankan menunjukkan seramai 87 orang daripada 130 orang responden adalah berstatus sudah berkahwin. Manakala seramai 37 orang adalah berstatus bujang dan enam orang responden lagi adalah berstatus janda/duda. Kebanyakan responden adalah berstatus sudah berkahwin disebabkan oleh kebanyakan mereka terdiri daripada golongan dewasa.

**Rajah 6 : Tahap pendidikan responden**




Berdasarkan carta pai bagi rajah 6, jumlah tahap pendidikan responden yang paling tinggi adalah pada tahap STPM/Diploma iaitu sebanyak 26.9 peratus. Manakala sebanyak 25.4 peratus terdiri daripada responden yang mempunyai tahap Ijazah dan ke atas. Bagi tahap SPM/MCE adalah sebanyak 22.3 peratus. Bagi responden yang mempunyai tahap PMR/SRP pula adalah sebanyak 9.2 peratus dan bagi tahap sekolah rendah/UPSR adalah sebanyak 2.3 peratus. Tahap lain-lain adalah termasuk yang tidak bersekolah dan juga sijil sebanyak 13.8 peratus.

**Rajah 7: Pekerjaan responden**




Bagi rajah 7, pekerjaan responden yang paling tinggi adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan iaitu seramai 43 orang daripada 130 responden. Ini adalah kerana tumpuan kajian di bandar utama di setiap negeri. Kakitangan swasta merupakan pekerjaan responden yang kedua tertinggi iaitu seramai 32 orang. Manakala seramai 30 orang responden adalah bekerja sendiri sebagai nelayan, buruh dan peniaga. 12 orang responden merupakan pesara dari pelbagai jenis pekerjaan seperti polis, tentera dan guru. Terdapat juga responden yang tidak bekerja iaitu seramai sembilan orang dan lain-lain jenis pekerjaan seramai tiga orang.

**Rajah 8 : Pendapatan responden**



Bagi gambar rajah 8, pendapatan responden yang paling tinggi adalah sebanyak 26.3 peratus di mana jumlah pendapatan sebanyak RM1001-RM1500. Sebanyak 24.6 peratus adalah terdiri daripada responden yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM1501-RM2000. Kebanyakan responden yang mempunyai pendapatan tersebut merupakan kakitangan kerajaan dan swasta. Sebanyak 16.2 peratus responden yang berpendapatan bulanan sebanyak RM501-RM1000 dan merupakan responden yang bekerja sendiri. Responden yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM2001-RM2500 adalah sebanyak 13.8 peratus. Manakala sebanyak 5.4 peratus responden yang mempunyai pendapatan RM2501-RM3000. Bagi responden yang mempunyai pendapatan RM3000 dan keatas adalah sebanyak 10 peratus dan RM500 kebawah adalah sebanyak 3.8 peratus.


**Rajah 9 : Tanggungan Responden**



Rajah 9 menunjukkan bilangan tanggungan isirumah responden yang tertinggi pada tahap 3-5 orang iaitu seramai 76 orang responden. Ini kerana majoriti responden sudah berkahwin. Manakala seramai 32 orang responden yang mempunyai tanggungan pada tahap 6-8 orang. Tahap tanggungan responden dua orang dan ke bawah pula adalah sebanyak 19 orang responden.


### 4.3.2 Bahagian B : Pemilihan Sistem Insurans

Rajah 10 : Pendapat mengenai insurans



Berdasarkan rajah 10, 41 peratus dari 130 orang responden berpendapat bahawa insurans adalah sangat penting. Manakala sebanyak 51 peratus berpendapat insurans adalah penting dan sebanyak 8 peratus responden menyatakan bahawa insurans adalah biasa sahaja.

Rajah 11 : Sistem Insurans




Rajah 11 menunjukkan sebanyak 52 peratus dari jumlah responden memilih sistem insurans Islam sebagai penanggung risiko dan 48 peratus responden pula memilih sistem insurans Konvensional.

**Rajah 12 : Sebab pemilihan Insurans**



Berdasarkan rajah 12, seramai 31 orang dari jumlah responden membeli insurans kerana kepentingan insurans tersebut. Manakala 24 orang responden menyatakan pulangan yang tinggi adalah sebab pemilihan sistem insurans tersebut. Seramai 18 orang responden berpendapat jaminan masa depan adalah faktor pemilihan sesuatu insurans. Responden yang memberi pendapat bahawa membeli insurans berlandaskan syariah dan halal adalah masing-masing seramai 12 orang dan 10 orang. Lain-lain sebab seperti keperluan, ditetapkan dan pendidikan adalah seramai 35 orang responden.


**Rajah 13 : Bentuk insurans**



Rajah 13 menunjukkan insurans hayat merupakan bentuk insurans yang tertinggi dipilih oleh responden iaitu seramai 55 orang. Bentuk insurans yang kedua tertinggi adalah insurans harta iaitu seramai 36 orang. Insurans harta pula menjadi pilihan oleh 21 orang dari jumlah responden. Seramai 10 orang responden memilih insurans kebakaran sebagai

pilihan utama dalam pemilihan bentuk insurans. Lain-lain bentuk insurans termasuk pendidikan dipilih oleh seramai lapan orang responden.


**Rajah 14 : Syarikat Insurans**



Berdasarkan rajah 14, syarikat insurans Takaful menjadi pilihan utama responden dalam membeli insurans iaitu sebanyak 57 orang responden. Syarikat insuran Takaful merupakan tunggak utama insurans Islam. Sebanyak 13 orang responden memilih Great Eastern Life Insurance dan 11 orang responden memilih syarikat insurans Etiqa untuk membeli insurans. Manakala Prudential Assurance Malaysia Berhad dipilih oleh sembilan orang responden dan AmAnsurance Berhad dipilih oleh lapan orang responden. Lain-lain syarikat insurans dipilih oleh 32 orang responden iaitu Cuepac, ING Insurance Berhad, Malaysian Assurance Alliance Berhad, Kurnia Insurans (Malaysia) Berhad dan MCIS Zurich Insurance Berhad.




Rajah 15 : Harga insurans




Berdasarkan rajah 15, harga insurans yang dibeli oleh responden dalam anggaran RM 40-RM 69 adalah tertinggi sebanyak 40 orang. Harga menunjukkan harga insurans tersebut berpatutan dan mendapat pembeli yang ramai. Insurans yang berharga RM 39 dan kebawah dibeli responden seramai lima orang sahaja. Hanya lapan orang responden memilih harga insurans RM 190 ke atas dan 24 orang memilih harga insurans RM 100-RM129. Harga insurans yang bernilai RM 135-RM 159 pula menjadi pilihan 25 orang responden. Harga insurans RM 70- RM 99 dan RM 160-RM 189 masing-masing menjadi pilihan 14 orang responden.

**Rajah 16 : Tempoh matang insurans**




Berbandukan rajah 16, menunjukkan sebanyak 54 orang responden membeli insurans yang mempunyai tempoh matang 1-10 tahun sahaja dan sebanyak 49 orang responden membeli insurans yang mempunyai tempoh matang 11-20 tahun. Bagi insurans yang mempunyai tempoh matang 21-30 tahun mendapat responden seramai 21 orang. Insurans yang mempunyai tempoh matang 41-50 tahun dan 51-60 tahun mendapat pembeli yang paling sedikit iaitu masing-masing seramai tiga orang responden.

**Rajah 17 : Pengetahuan mengenai insurans**



Rajah 17 menerangkan 39 peratus dari jumlah responden sedia maklum mengenai sistem insurans. Responden mengetahui mengenai sistem insurans melalui media masa seperti surat khabar, majalah dan sebagainya adalah sebanyak 23 peratus. Sebanyak 18 peratus responden mendapat maklumat mengenai insurans melalui keluarga sendiri. Pengetahuan melalui lain-lain sumber seperti rakan-rakan adalah sebanyak 20 peratus dari jumlah responden.

**Rajah 18 : Faktor pemilihan insurans**




Rajah 18 menerangkan faktor-faktor pemilihan insurans oleh responden. Seramai 21 orang responden memilih harga insurans yang berpatutan sebagai faktor utama pemilihan insurans. Faktor faedah yang tinggi kepada pembeli menjadi pilihan 25 orang responden. Faktor yang mendapat pilihan yang tertinggi adalah jaminan masa depan yang dipilih oleh 42 orang responden. Didapati sembilan orang responden memilih faktor kesihatan dan peningkatan usia dalam pemilihan membeli insurans dan 10 orang responden pula menjadikan tahap pekerjaan dan pendapatan mereka sebagai faktor pemilihan sistem insurans. Dari segi unsur-unsur yang terdapat dalam sistem insurans menjadi pilihan 19

orang responden dan empat orang memilih faktor kadar bunga yang rendah dalam pemilihan sistem asuransi.


### Bahagian C : Pengetahuan Dan Pendapat Mengenai Sistem Insurans Di Malaysia.

Rajah 19 : Sistem insurans samada konvensional atau Islam adalah melibatkan pembayaran untuk perlindungan risiko.




Berdasarkan rajah 19, 63 orang responden setuju dengan definisi sistem insurans iaitu melibatkan pembayaran untuk perlindungan risiko. Manakala 58 orang responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat juga responden yang kurang setuju sistem insurans adalah melibatkan pembayaran untuk perlindungan risiko adalah seramai lapan orang responden. Seorang responden menyatakan sangat tidak setuju dengan definisi mengenai sistem insurans.

**Rajah 20 : Insurans konvensional menawarkan pulangan yang lebih tinggi berbanding insurans Islam.**




Berbandukan rajah 20, seramai 49 orang responden setuju dan 27 orang responden sangat setuju dengan pendapat insurans konvensional menawarkan pulangan yang lebih tinggi berbanding insurans Islam. Responden yang kurang menyokong pendapat tersebut adalah seramai 54 orang iaitu seramai tiga orang responden sangat tidak setuju, 14 orang responden tidak setuju dan 37 orang responden kurang bersetuju.

**Rajah 21 : Insurans konvensional menjadi pilihan utama masyarakat sejak dahulu lagi.**



Rajah 21 menjelaskan bahawa seramai 61 orang responden setuju dan 38 orang responden sangat setuju dengan pendapat insurans konvensional menjadi pilihan utama masyarakat sejak dahulu lagi. Manakala tiga orang responden sangat tidak setuju, 13 orang tidak setuju dan 15 orang kurang bersetuju mengenai pemilihan insurans oleh masyarakat dari dulu adalah sistem insurans konvensional.


**Rajah 22 : Publisiti insurans konvensional adalah lebih meluas berbanding sistem insurans Islam**



Bagi rajah 22, pendapat mengenai publisiti insurans konvensional adalah lebih meluas berbanding insurans Islam mendapat persetujuan dari responden iaitu seramai 65 orang responden setuju dan 40 orang responden sangat setuju. Seramai 16 orang responden adalah kurang setuju mengenai pendapat tersebut. Responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pendapat tersebut masing-masing adalah seramai tujuh dan dua orang responden.




**Rajah 23 : Unsur-unsur yang terdapat dalam sistem insurans konvensional adalah tidak selari dengan syariat Islam.**




Berpandukan gambarajah 23, responden yang bersetuju dan sangat bersetuju dengan pendapat mengenai unsur-unsur yang terdapat dalam sistem insurans konvensional adalah tidak selari dengan syariat Islam adalah masing-masing seramai 42 dan 27 orang. Terdapat juga responden tidak menyokong pendapat tersebut iaitu seramai 32 orang responden kurang bersetuju, 13 orang responden tidak setuju dan 16 orang responden sangat tidak setuju.

**Rajah 24 : Insurans Islam adalah lebih kepada semangat bekerjasama dan tabbaru (derma ikhlas).**




Rajah 24 menunjukkan hampir semua dari jumlah responden menyokong dan bersetuju dengan pendapat insurans Islam adalah lebih kepada semangat bekerjasama dan tabbaru (derma ikhlas). Jumlah responden yang setuju dan sangat setuju masing-masing adalah seramai 76 dan 45 orang responden. Sebilangan kecil responden kurang setuju dan tidak setuju dengan pendapat tersebut iaitu seramai tujuh dan dua orang responden.

**Rajah 25 : Insurans yang berasaskan Islam adalah bebas dari unsur-unsur riba, gharar dan maisir.**




Berpandukan rajah 25, seramai 72 orang responden bersetuju dan 50 orang responden sangat setuju dengan pendapat insurans Islam adalah bebas dari unsur-unsur yang syubhah (meragukan). Hanya sebilangan kecil responden tidak menyokong pendapat tersebut iaitu seramai enam orang tidak setuju dan responden yang sangat tidak setuju dan tidak setuju masing seramai seorang responden.

**Rajah 26 : Insurans Islam mampu memajukan ekonomi Islam di mata dunia.**



Rajah 26 menunjukkan 65 orang responden bersetuju dan 47 orang responden sangat setuju dengan pendapat mengenai insurans Islam mampu memajukan ekonomi Islam di mata dunia. Hanya 18 orang responden tidak menyokong pendapat tersebut iaitu 15 orang responden kurang bersetuju dan tiga orang responden tidak setuju.


**Rajah 27 : Insurans Islam hanya memberi kelebihan kepada masyarakat yang beragama Islam sahaja.**



Berdasarkan rajah 27, seramai 55 orang responden kurang bersetuju dengan pernyataan insurans Islam hanya memberi kelebihan kepada masyarakat yang beragama Islam sahaja. 25 orang dan 19 orang responden masing-masing tidak bersetuju dan sangat


tidak setuju dengan pendapat tersebut. Manakala 25 orang responden menyokong dan memilih setuju dengan pendapat tersebut. Hanya enam orang responden sangat setuju insurans Islam memberi kelebihan kepada masyarakat yang beragama Islam sahaja.

**Rajah 28 : Kewujudan insurans Islam menjejaskan pengaruh insurans Konvensional.**



Berpandukan rajah 28, lebih dari separuh dari jumlah responden tidak menyokong pendapat bahawa kewujudan insurans Islam menjejaskan pengaruh insurans konvensional iaitu seramai 42 orang responden kurang setuju, 34 orang responden tidak setuju dan sembilan orang responden sangat tidak setuju. Manakala responden yang menyokong pendapat tersebut adalah seramai 34 orang setuju dan 11 orang sangat setuju.

**Rajah 29 : Bayaran premium insurans Islam adalah lebih tinggi berbanding insurans Konvensional.**



Berdasarkan rajah 29, seramai 50 orang responden kurang bersetuju, 21 orang tidak bersetuju dan enam orang sangat tidak setuju dengan pendapat bayaran premium insurans Islam adalah lebih tinggi berbanding insurans konvensional. Manakala 48 orang responden setuju dan lima orang responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut.

#### 4.4 MODEL KAJIAN

##### PERSAMAAN 1

$$SY_t = \beta_0 + \beta_1 OCP_t + \beta_2 EDU_t + \beta_3 Y_t + \beta_4 GEN_t + \beta_5 LD_t + \beta_6 PRI_t + \varepsilon$$

##### PERSAMAAN 2

$$\text{Logit (P=1)} = \beta_0 + \beta_1 OCP_t + \beta_2 EDU_t + \beta_3 Y_t + \beta_4 GEN_t + \beta_5 LD_t + \beta_6 PRI_t + \varepsilon$$

Dimana,

Logit (P=1) = SY = sistem insurans

0 untuk insurans konvensional

1 untuk insurans islam

OCP = pekerjaan

EDU = tahap pendidikan

0 untuk tahap pendidikan tinggi

1 untuk tahap pendidikan rendah

Y = pendapatan

GEN = jantina

0 untuk lelaki

1 untuk perempuan

LD = bilangan tanggungan

PRI = harga insurans

Di mana sistem insurans adalah pembolehubah bersandar, manakala pekerjaan, tahap pendidikan, pendapatan, jantina, bilangan tanggungan dan harga insurans adalah pembolehubah bebas.

## 4.5 UJIAN STATISTIK

**Jadual 1 : Frekuensi memilih sistem insurans konvensional dan sistem insurans Islam**

Status responden	Frekuensi	Peratus
Insurans konvensional	62	48
Insurans Islam	68	52
Jumlah	130	100

**Jadual 2: Jadual Klasifikasi Regresi Logistik Sistem Insuran (N=130)**

		Diramal membeli insurans		Peratusan Betul
Pemerhatian		Insurans konvensional	Insurans Islam	
Membeli insurans	Insurans konvensional	53	9	85.5
	Insurans Islam	7	61	89.7
Peratusan keseluruhan				87.7

a nilai batasan adalah 500

**Jadual 3 : Hasil Regresi Logistik**

Pembolehubah	Jangkaan B	B	Sisihan piawai	Statik wald	Sig.	Exp(B)
Jantina	$\alpha 1/+$	0.384	0.637	0.363	0.547	1.468
Education	$\alpha 2/+$	1.676	0.357	22.017	0.000	5.341
pekerjaan	$\alpha 3/+$	0.686	0.235	8.484	0.004	1.985
Income	$\alpha 4/+$	0.183	0.202	0.826	0.363	1.201
isirumah	$\alpha 5/+$	1.473	0.498	8.770	0.003	4.364
Harga insurans	$\alpha 6/+$	1.236	0.242	26.056	0.000	3.442
constan		-17.138	3.260	27.635	0.000	0.000

a Variable(s) entered on step 1: jantina, edu, pkejaan, income, isirumah, harga.

## 4.6 HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan ketidakseimbangan pemilihan sistem insurans di Malaysia samada sistem insurans konvensional dan sistem insurans Islam iaitu masing-masing sebanyak 48 peratus dan 52 peratus. Walaubagaimanapun berdasarkan jadual tersebut, adalah jelas menunjukkan ramai responden berminat untuk memilih sistem insurans Islam.

Jadual 2 pula menunjukkan perbandingan nilai dijangka daripada pembolehubah bersandar iaitu pemilihan sistem insurans samada insurans konvensional atau insurans Islam dengan menggunakan model regresi dengan nilai sebenar data yang diperhatikan. Berdasarkan jadual tersebut, daripada 53 orang responden yang memilih insurans konvensional, hanya 9 orang yang dijangka tidak memilih insurans tersebut. Manakala, daripada 61 orang responden yang memilih sistem insurans Islam, hanya 7 orang yang dijangka tidak memilih insurans tersebut. Model ini meramal dengan betul 87.7 peratus daripada pemerhatian sebenar. Selain itu, model ini didapati lebih berupaya untuk meramal pemilihan sistem insurans Islam berbanding pemilihan sistem insurans konvensional. Bilangan pemilih insurans konvensional adalah hampir seimbang dengan pemilih insurans Islam.

Perlu juga diingatkan bahawa bilangan responden yang memilih sistem insurans konvensional dan sistem insurans Islam adalah tidak seimbang. Dengan kata lain, walaupun model ini berjaya meramal dengan betul lebih dari 50 peratus pemerhatian, tidak seharusnya digunakan sebagai ukuran kesesuaian model. Oleh itu, dalam kajian ini kriteria kemungkinan bernisbah sepatutnya digunakan untuk tujuan tersebut. Apabila kriteria ini digunakan untuk sampel dengan nisbah 48 peratus dan 52 peratus (lihat jadual 1), tahap yang harus digunakan untuk menguji kesesuaian model ialah 53.8 peratus (lihat Hair et al, 1992 untuk perbincangan lanjutan). Jadual 2 menunjukkan dengan jelas bahawa keupayaan model yang dianggar meramal dengan betul 87.7 peratus dari pemerhatian sebenar mengatasi tahap yang diperlukan untuk kesesuaian model.



Jadual 3 pula menunjukkan keputusan regresi logistik antara pembolehubah sistem insurans dengan pembolehubah-pembolehubah bebas seperti dalam persamaan pembolehubah pekerjaan, tahap pendidikan, jantina, bilangan tanggungan isirumah dan harga insurans didapati berkait secara signifikan dengan pemilihan sistem insurans. Jika dilihat daripada nilai koefisien (B), semua pembolehubah adalah berhubungan secara positif dengan pembolehubah bersandar. Antara pembolehubah tersebut, harga insurans, pekerjaan, bilangan tanggungan dan tahap pendidikan menepati jangkaan. Hasil kajian ini menunjukkan aspek tahap pendidikan dan harga insurans amat signifikan mempengaruhi pemilihan sistem insurans. Nisbah odds dikira adalah untuk menentukan hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan sistem insurans. Daripada jadual tersebut menunjukkan satu unit pertambahan pada tahap pendidikan dan harga insurans berkait dengan log nisbah odds pemilihan insurans iaitu masing-masing sebanyak 1.1676 dan 1.236. Kajian ini menunjukkan bahawa faktor tahap pendidikan dan harga insurans amat besar pengaruhnya kepada pemilihan sistem insurans.

#### 4.7 KESIMPULAN

Daripada bab analisa kajian ini dapat di buat kesimpulan bahawa data-data yang diperolehi daripada soal kaji selidik yang dilakukan untuk mendapatkan data primer akan dianalisa dengan menggunakan SPSS. Hasil output yang diperolehi menunjukkan faktor tahap pendidikan, pekerjaan, bilangan tanggungan isirumah dan harga insurans mempengaruhi pemilihan sistem insurans samada insurans konvensional atau insurans Islam. Semakin tinggi tahap pendidikan, pekerjaan, bilangan tanggungan dan harga, maka seseorang individu muslim akan lebih cenderung untuk membuat pemilihan sistem insurans. Hasil kajian ini juga menunjukkan jantina dan tingkat pendapatan tidak mempengaruhi dalam pemilihan sistem insurans.

## **BAB 5**

### **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini secara keseluruhannya memperjelaskan secara menyeluruh tentang hasil kajian yang telah dijalankan. Antara aspek yang di kupas dalam bab ini adalah berdasarkan kepada beberapa sub topik utama iaitu rumusan keseluruhan, cadangan kajian dan kesimpulan. Kesemua sub topik ini secara umumnya dapat menerangkan tentang kajian ini dengan lebih khusus dan mendalam. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini juga akan dapat dijadikan sebagai panduan dalam meningkatkan lagi tahap kepekaan masyarakat Islam terhadap sistem insurans di Malaysia. Dengan adanya kajian yang dijalankan, sekurang-kurangnya dapat menilai tahap pengetahuan masyarakat Islam terhadap sistem insurans konvensional dan sistem insurans Islam sekaligus memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengenalpasti kelemahan yang terdapat pada sistem insurans samada insurans konvensional atau pun insurans Islam bagi memajukan sistem insurans di Malaysia

## 5.2 RUMUSAN KESELURUHAN

Industi takaful akan dibangunkan sebagai salah satu komponen penting dalam sistem kewangan menjelang tahun 2010. Dalam tempoh RMK 9, objektif utama ialah untuk membangun sebilangan pengendali takaful yang kukuh dan bermodal tinggi serta menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan takaful yang lengkap.

Langkah akan diambil untuk meningkatkan keupayaan pengendali takaful memanfaatkan ciri-ciri unik takaful. Usaha ini termasuk terdapatnya individu dan kumpulan pengurusan yang terlatih dan berkaliber tinggi dengan kepakaran yang diperlukan dari segi pematuhan syariah dan pembangunan produk. Lesen takaful tambahan akan dikeluarkan kepada pihak yang layak untuk lebih persaingan serta memperluas lagi perniagaan takaful bagi membolehkan industri ini mencapai sasaran 20 peratus daripada keseluruhan industri insurans.

Daripada hasil kajian dan temubual yang dijalankan ke atas pembeli insurans yang beragama Islam, didapati bahawa pembeli insurans yang memilih sistem insurans Islam adalah seramai 68 dan pembeli insurans yang memilih sistem insurans konvensional adalah seramai 62 orang. Walaupun bilangan pembeli insurans islam adalah melebihi pembeli insurans konvensional tetapi hanya pada kadar perbezaan yang sangat rendah. Ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi masyarakat yang beragama Islam berpegang teguh dengan insurans yang telah lama beroperasi di Malaysia iaitu insurans konvensional.

Dapatan kajian juga mendapati tahap pekerjaan mempengaruhi pemilihan sistem insurans masyarakat Islam. Seramai 43 orang responden adalah dari sektor kerajaan membeli insurans berbanding 32 orang responden dari sektor swasta. Ini menunjukkan sektor bukan kerajaan masih tidak peka mengenai kepentingan sistem insurans dan kurang mendapat penekanan dari mengenainya.

Selain itu, tahap pendidikan juga mempengaruhi masyarakat Islam dalam pemilihan sistem insurans. Ini menunjukkan semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, semakin tinggi juga tahap kepekaan dan pengetahuan mengenai sistem insurans di Malaysia. Masyarakat Islam juga lebih peka tentang kewujudan insurans Islam yang banyak memberi faedah kepada masyarakat Islam itu sendiri.

Hasil kajian juga menunjukkan bilangan tanggungan isirumah turut mempengaruhi pemilihan sistem insurans. Responden yang mempunyai bilangan tanggungan yang kecil adalah lebih cenderung untuk membuat pemilihan dalam sistem insurans. Hal ini mungkin kerana responden yang mempunyai tanggungan yang tidak ramai lebih memikirkan masa depan anak-anak mereka dengan pemilihan insurans yang lebih baik.

Harga insurans juga menjadi faktor pemilihan sistem insurans di Malaysia. Harga diantara RM 40 sehingga RM 69 adalah menjadi pilihan utama responden. Ini menunjukkan responden lebih cenderung untuk memilih insurans yang mempunyai harga yang berpatutan.

Jantina responden tidak mempengaruhi pemilihan insurans dalam kajian ini. Ini mungkin kerana responden lelaki dan perempuan mempunyai pendapat dan pengetahuan yang sama mengenai pemilihan sistem insurans yang terdapat di Malaysia.

Pendapatan responden juga tidak menjadi faktor bagi pemilihan sistem insurans. Ini bermakna, responden yang mempunyai pendapatan tinggi atau rendah masih lagi boleh membuat pemilihan sistem insurans yang diperlukan.

### 5.3 CADANGAN KAJIAN

Daripada hasil kajian yang telah dibuat, didapati bahawa terdapat beberapa isu atau masalah yang timbul dalam sistem insurans di Malaysia yang perlu diambil perhatian segera. Hal ini kerana sekiranya permasalahan ini dibiarkan secara tidak langsung ianya akan menyebabkan pengetahuan masyarakat khususnya di negeri pantai timur tidak berkembang mengenai pemilihan sistem insurans di Malaysia samada insurans konvensional mahupun insurans Islam.

Antara isu-isu atau masalah yang di temui hasil dari kajian serta temubual yang dijalankan adalah sesetengah masyarakat tidak mengetahui dan tidak peka mengenai unsur-unsur yang terdapat dalam sesuatu sistem insurans. Unsur-unsur yang tidak selari mengikut kehendak syarak seperti gharar, maisir dan riba masih terdapat dalam sistem insurans di Malaysia. Oleh itu, beberapa cadangan diketengahkan bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul.

#### 1) **Meningkatkan usaha islamisasi bank konvensional**

Aktiviti ini telah bermula pada awal 1990 an. Banyak cabaran yang dilalui kerana bank-bank konvensional merupakan perantaraan insurans melalui perantaraan bank. Pasaran tersebut telah diislamisasikan dan telah ada kemajuan contohnya pelaksanaan Takaful Maybank dan Cimb Islamic. Kemajuan ini sangat menarik dan dapat memberi perkhidmatan kepada para pelanggan.

Malangnya, masih ramai para pengusaha yang tidak menyedari tentang insurans Islam ini dan kepentingan yang dibawanya. Ini kerana pada awalnya, syarikat ini mengharapakan masyarakat tampil sendiri untuk mendapatkan perkhidmatan. Banyak seminar yang mengundang para penceramah yang berwibawa, tetapi tidak ramai yang hadir.

Para professional sistem ini juga tidak begitu meninjol di Malaysia, contohnya Sheik Mizaan Yaquti seorang penasihat syariah di dalam Dow Jones. Selain itu, Dr. Daud Bakar yang terkenal di United Kingdom di London dan USA serta terlibat di dalam majlis syariah Bank Negara. Hajah Rahani, seorang yang dikenali dan pernah dijemput oleh BBC, namun di Malaysia mereka tidak diketengahkan untuk berkongsi pengalaman dan pendapat mengenai insurans Islam.

Oleh itu, peningkatan dalam islamisasi bank konvensional mampu menarik minat masyarakat Islam sekaligus meluaskan pengetahuan mengenai sistem insurans Islam yang terdapat di Malaysia.

## **2) Menambah bilangan pengendali Takaful**

Peningkatan dalam bilangan pengendali takaful mampu mencapai objektif dalam Syarikat Takaful Malaysia. Lesen takaful baru yang diberi kepada pengendali takaful akan mencapai matlamat-matlamat berikut :

- a) mempercepatkan perkembangan perniagaan takaful selaras dengan perbankan Islam yang secara relatifnya lebih maju.
- b) Menyemarakkan persaingan pasaran dalam penentuan harga, inovasi produk, perkhidmatan pelanggan dan kecekapan operasi.
- c) Menambah program takaful semula di kalangan pengendali takaful berdasarkan prinsip-prinsip syariah.
- d) Menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi kepakaran takaful.

Usaha ini mampu meluaskan lagi promosi mengenai sistem insurans Islam kepada masyarakat Islam serata Malaysia. Kepentingan dan keunikan sistem insurans Islam akan lebih mudah difahami oleh individu muslim.



### **3) Promosi yang berterusan**

Selain itu, sistem insurans Islam di Malaysia masih kurang mendapat sambutan disebabkan tahap kesedaran dan kepekaan masyarakat di negara ini masih berada di tahap yang rendah. Pihak atau pengendali insurans Islam perlu meningkatkan usaha bagi menyedarkan masyarakat mengenai sistem insurans yang dibeli. Pelbagai kempen seperti publisiti yang meluas, pelaksanaan seminar di merata tempat dan bengkel-bengkel mengenai sistem insurans Islam perlu dilakukan untuk menarik minat masyarakat untuk memilih insurans yang berlandaskan syariah.

Masyarakat Islam juga perlu meningkatkan pengetahuan mengenai kepentingan membeli insurans untuk diri sendiri dan keluarga. Langkah-langkah sampingan perlu diambil untuk mewujudkan dan mempertingkatkan kesedaran awam mengenai konsep dan manfaat insurans Islam berhubung dengan tanggapan yang salah mengenainya. Ini akan dicapai melalui :

- a) Mengadakan promosi takaful secara berterusan
- b) Membentuk pakatan strategik dengan institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan tentang takaful.
- c) Meningkatkan kandungan pengajaran mengenai sistem insurans Islam diperingkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

### **4) Memperbaiki rangka kerja pengawalseliaan bagi takaful**

Rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh perlu diwujudkan bagi menyokong perkembangan industri takaful yang sihat. Antara perkara-perkara utama yang perlu ditekankan adalah seperti berikut :

- a) mengkaji semula Akta Takaful 1984 dan perundangan berkaitan bagi memperbaiki kekurangan sedia ada.
- b) Meningkatkan modal berbayar minimum berkanun pengendali takaful secara progresif selaras dengan peningkatan keupayaan mereka untuk berkembang



dan menanggung risiko yang lebih tinggi. Peningkatan modal dasar bagi pengendali takaful akan memperbaiki kemampuan mereka untuk bersaing dengan lebih berkesan dengan pengendali konvensional dalam pasaran domestik dan seterusnya di peringkat antarabangsa.

Dengan memperbaiki rangka kerja ini, sistem insurans Islam akan lebih dipercayai dan mampu menarik minat pembeli-pembeli insurans yang beragama Islam.

#### 5.4 KESIMPULAN

Sektor insurans merupakan salah satu sektor yang mampu memberi pulangan kepada pembeli insurans itu sendiri. Sekiranya diamati, insurans memberi banyak faedah kepada pembeli jika untuk menanggung risiko sesuatu malapetaka yang terjadi. Namun, bagi masyarakat Islam, insurans yang berlandaskan syariah amat penting dan perlu dititikberatkan semasa pemilihan sistem insurans samada insurans konvensional mahupun insurans Islam. Masyarakat Islam perlu membuka mata dengan kehadiran sistem insurans Islam iaitu Takaful bagi menggantikan sistem insurans konvensional yang telah lama dijalankan di Malaysia. Keprihatinan dan kepekekaan masyarakat Islam dalam pemilihan sistem insurans amat penting bagi melindungi diri dan keluarga dengan insurans yang selari dengan syariah Islam seterusnya mampu meningkatkan ekonomi Islam di mata dunia.

## RUJUKAN

Rancangan Malaysia Ke-Sembilan

[www.takaful-malaysia.com](http://www.takaful-malaysia.com)

[www.bharian.com..my](http://www.bharian.com.my)

[www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

[www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

Wikipedia

Dror D. Mark et.al (2007). "Health insurance benefit packages prioritized by low-income clients in India: Three criteria to estimate effectiveness of choice." *Journal of Sosial Sciens and Medicine*. Science Direct

Sapelli C. et.al (2001). "The Mandatory Health Insurance System in Chile : Explaining the Choice between Public and Private Insurance." *International Journal of Health Care Finance and Economics*. Science Direct

Matteo Di. L et.al (2001). "Wealth and the demand for life insurance: evidence from Ontario, 1892." *Explorations in Economic History*. Science Direct

Frank M. Castellucci (2004). "The Choices of Private and Public Health Insurance: A View of the American Labor Force. Science Direct

Marquis S.M et.al (2007). "The Role of Product Design in Consumers' Choices in the Individual Insurance Market". *Health Insurance*. Science Direct

Nordin A. (2000). "Insurans Islam(takaful) : Persepsi kakitangan Universiti Utara Malaysia. Science Direct

LAMPIRAN

KOD RESPONDEN

--	--	--



JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI UMT

**ANALISIS KEPEKAAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP SISTEM INSURANS DI  
MALAYSIA.**

**KAJIAN KES : NEGERI PANTAI TIMUR**

Saya pelajar tahun tiga Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) UMT, sedang membuat penyelidikan berkenaan dengan kepekaan masyarakat Islam terhadap sistem insurans di Malaysia terutamanya di negeri pantai timur. Penyelidikan yang dibuat adalah bertujuan untuk mengenalpasti pemilihan sistem insurans oleh masyarakat Islam samada sistem insurans Islam atau sistem insurans Konvensional. Berkenaan hal itu, saya memerlukan sedikit maklumat dari pihak saudara/saudari melalui borang soal selidik ini. Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan digunakan hanya untuk kajian ini sahaja. **Kerjasama dari pihak saudara/saudari amatlah saya hargai.**

Sila isi tempat kosong atau tandakan (/) pada ruang yang berkenaan.

<b>BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN</b>
--

1) Jantina :

- Lelaki
- Perempuan

2) Umur : ..... tahun

3) Agama :

- Islam
- Buddha
- Hindu
- Kristian
- Lain-lain, (nyatakan) : .....

4) Bangsa :

- Melayu
- Cina
- India
- Lain-lain, (nyatakan) : .....

5) Negeri asal : .....

6) Daerah tempat tinggal : .....

7) Status perkahwinan :

- Bujang
- Berkahwin
- Janda/Duda
- Lain-lain, (nyatakan) : .....

8) Tahap pendidikan :

- Sekolah Rendah/UPSR
- PMR/SRP
- SPM/MCE
- STPM/Diploma/Matrikulasi
- Ijazah dan ke atas
- Lain-lain (nyatakan) : .....

9) Jenis pekerjaan :

- Kakitangan kerajaan
- Kakitangan swasta
- Pesara
- Bekerja sendiri
- Tidak Bekerja
- Lain-lain, (nyatakan) : .....

10) Pendapatan bulanan :

- RM 500 dan ke bawah
- RM 501 – RM 1000
- RM 1001 – RM 1500
- RM 1501 – RM 2000
- RM 2001 – RM 2500
- RM 2501 – RM 3000
- RM 3001 dan ke atas

11) Bilangan isirumah : ..... orang

<b>BAHAGIAN B : PEMILIHAN SISTEM INSURANS</b>
---

12) Pendapat anda mengenai insurans :

- Sangat penting
- Penting
- Biasa sahaja

13) Adakah anda pembeli insurans :

- Ya
- Tidak

14) Jenis insurans yang dipilih?

- Insurans konvensional
- Insurans Islam

15) Nyatakan sebab pemilihan :

.....  
.....

16) Bentuk insurans yang dibeli :

- Insurans Hayat
- Insurans Harta (Kereta, Rumah, Motor)
- Insurans Kemalangan
- Insurans Kebakaran
- Lain-lain, (nyatakan) : .....

17) Syarikat insurans yang dipilih : .....

18) Harga insurans dibeli : RM ..... sebulan

19) Tempoh matang insurans yang dibeli : ..... tahun

20) Pengetahuan anda mengenai insurans :

- Sedia maklum
- Keluarga
- Melalui media massa
- Lain-lain, (nyatakan) : .....

21) Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan sistem yang dibeli :

(Tandakan mengikut keutamaan ranking dari 1- 7)

- Harga yang berpatutan
- Pulangan faedah yang tinggi
- Jaminan masa depan (diri sendiri dan keluarga)
- Kesihatan/peningkatan usia
- Tahap pekerjaan dan pendapatan
- Kadar bunga yang rendah (pelaburan)
- Unsur-unsur yang terdapat di dalam sistem insurans tersebut.

**BAHAGIAN C : TAHAP PENGETAHUAN DAN PENDAPAT  
MENGENAI SISTEM INSURANS.**

Sila bulatkan angka pada jawapan anda mengikut skala dibawah :

1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju

22)	Sistem insurans samada konvensional atau Islam adalah melibatkan pembayaran untuk perlindungan risiko.	1	2	3	4	5
23)	Insurans konvensional menawarkan pulangan yang lebih tinggi berbanding Insurans Islam.	1	2	3	4	5
24)	Insurans konvensional menjadi pilihan utama masyarakat sejak dahulu lagi.	1	2	3	4	5
25)	Publisiti sistem insurans konvensional adalah lebih meluas berbanding sistem insurans Islam.	1	2	3	4	5
26)	Unsur-unsur yang terdapat dalam sistem insurans konvensional adalah tidak selari dengan syariah Islam.	1	2	3	4	5
27)	Insurans Islam adalah lebih kepada semangat kerjasama dan tabbaru'(derma ikhlas).	1	2	3	4	5
28)	Insurans yang berasaskan Islam adalah bebas dari unsur-unsur riba, gharar dan maisir.	1	2	3	4	5
29)	Insurans Islam mampu memajukan ekonomi Islam di mata dunia.	1	2	3	4	5



30)	Insurans Islam hanya memberi kelebihan kepada masyarakat yang beragama Islam.	1	2	3	4	5
31)	Kewujudan Insurans Islam menjejaskan pengaruh Insurans konvensional.	1	2	3	4	5
32)	Bayaran premium insurans Islam adalah lebih tinggi berbanding insurans konvensional.	1	2	3	4	5

**Terima kasih di atas kerjasama yang diberikan.**

***Disediakan Oleh:***

*Nor Samiyyah binti Mohd Rifin,  
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam),  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi,  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT).*

ANALISIS KEPEKAAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP SISTEM INSURANS DI MALAYSIA KAJIAN  
KES: NEGERI PANTAI TIMUR -NOR SAMIYYAH BINTI MOHD RIFIN